



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN - AHAD, 22 DISEMBER 2024



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



22/12/2024

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	IMIGRESEN LIMBANG, JKM HANTAR BANTUAN MAKANAN KE LOKASI TERKESAN AKIBAT BANJIR		POSITIF
	https://www.tvsarawak.my/2024/12/21/imigresen-limbang-jkm-hantar-bantuan-makanan-ke-lokasi-banjir/	TVSARAWAK.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	GAYA KEIBUBAAPAN AUTORITATIF PENTING, BENTUK KEPERIBADIAN ANAK		POSITIF
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/gaya-keibubapaan-autoritatif-penting-bentuk-keperibadian-anak	BERITA.RTM.GOV.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	SARAWAK SEDIA PERTAHAN GELARAN JUARA PADA TEMASYA PARA SUKMA XXII SELANGOR 2026		POSITIF
	https://www.utusanborneo.com.my/2024/12/21/sarawak-sedia-pertahan-gelaran-juara-pada-temasya-para-sukma-xxii-selangor-2026	UTUSANBORNEO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	TANGANI EKSPLOITASI, PENDERAAN KANAK-KANAK SECARA DALAM TALIAN		POSITIF
	https://www.utusan.com.my/rencana/forum/2024/12/tangani-eksploitasi-penderaan-kanak-kanak-secara-dalam-talian/	UTUSAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	JAGA TEPI KAIN DEMI KESELAMATAN KANAK-KANAK		POSITIF
	https://www.utusan.com.my/rencana/2024/12/jaga-tepi-kain-demi-keselamatan-kanak-kanak/	UTUSAN.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



22/12/2024

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	DUA LELAKI DITAHAN LAYARI LAMAN WEB, SIMPAN VIDEO PORNOGRAFI KANAK-KANAK		NEGATIF
	https://www.kosmo.com.my/2024/12/21/dua-lelaki-ditahan-layari-laman-web-simpan-video-pornografi-kanak-kanak/	KOSMO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	LEBIH 100 WANITA MALAYSIA DIPENJARA DI NARATHIWAT SEJAK 10 TAHUN LALU		NEGATIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/12/1168478/lebih-100-wanita-malaysia-dipenjara-di-narathiwat-sejak-10-tahun-lalu	HMETRO.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/703376/global/kebanyak-akan-banduan-wanita-rakyat-malaysia-di-thailand-terdiri-pesalah-dadah	SINARHARIAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
8	BERKENALAN DI PUSAT PEMINDAHAN, REMAJA PEREMPUAN KENA ROGOL DI STOR PPS		NEGATIF
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/12/1339567/berkenalan-di-pusat-pemindahan-remaja-perempuan-kena-rogol-di-stor-pps	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/12/1168414/remaja-perempuan-dirogol-di-stor-pps	HMETRO.COM.MY	
	https://www.youtube.com/watch?v=7HP-8_rFOCE	YOUTUBE	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kes-rogol-dilaporkan-berlaku-di-pps-kelantan-semasa-banjir-501547	ASTROAWANI.COM	
	https://www.malaysiakini.com/news/729597	MALAYSIAKINI.COM	
	https://www.youtube.com/watch?v=mMHXPnOEWDk	YOUTUBE	
	https://www.sinarharian.com.my/article/703305/berita/semasa/kes-rogol-dilaporkan-berlaku-di-pps-kelantan-semasa-banjir	SINARHARIAN.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



22/12/2024

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
9	UM, AUTHORITIES PROBING SEXUAL HARASSMENT CLAIMS AGAINST LECTURER		NEGATIF
	https://www.nst.com.my/news/nation/2024/12/1151256/um-authorities-probing-sexual-harassment-claims-against-lecturer	NST.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/703348/berita/semasa/um-pihak-berkuasa-siasat-dakwa-pensyarah-lakukan-gangguan-seksual---kpt	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.utusan.com.my/terkini/2024/12/kes-gangguan-seksual-um-jalankan-siasatan-aktif/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2024/12/21/kpt-pandang-serius-kes-gangguan-seksual-libat-warga-ipt/	KOSMO.COM.MY	
	https://malaysiagazette.com/2024/12/21/beri-ruang-siasatan-kes-gangguan-seksual-di-um-kpt/	MALAYSIAGAZETTE.COM	
	https://bernama.com/bm/am/news.php?id=2375850	BERNAMA.COM	
	https://siakapkei.my/2024/12/21/isu-pensyarah-um-didakwa-lakukan-gangguan-seksual-sedang-disiasat-kpt	SIKAPKEI.MY	
	https://www.wilayahku.com.my/kpt-pandang-serius-isu-gangguan-seksual-di-ipt/	WILAYAHKU.COM.MY	
	https://www.freemalysiatoday.com/category/nation/2024/12/21/we-take-serious-view-of-um-sexual-harassment-allegations-says-ministry/	FREEMALYSIATODAY.COM	
	https://www.malaysiakini.com/news/729583	MALAYSIAKINI.COM	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/12/21/official-probe-into-harassment-claims-against-um-professor-underway-says-ministry	THESTAR.COM.MY	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/12/21/um-says-no-compromise-for-sexual-harassment-offenders	THESTAR.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/703381/berita/semasa/isu-gangguan-seksual-tiada-kompromi-tidak-kira-jawatan-atau-status-pelaku#google_vignette	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/gangguan-seksual-tiada-kompromi-buat-pelaku-um-tidak-pandang-status-atau-pangkat-naib-canselor-501610	ASTROAWANI.COM	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/12/1168525/um-pihak-berkuasa-siasat-dakwa-pensyarah-lakukan-gangguan-seksual-kpt	HMETRO.COM.MY	



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



22/12/2024

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
	https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/tiada-kompromi-buat-pelaku-gangguan-seksual-naib-canselor-um	BERITA.RTM.GOV.MY	
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/um-jalankan-siasatan-aktif-kes-gangguan-seksual	BERITA.RTM.GOV.MY	
	https://thesun.my/cerita/gangguan-seksual-zambry-arrah-um-laksana-siasatan-segera-EC13447560	THESUN.MY	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/jenayah-seksual-kpt-pandang-serius-salah-laku-dalam-kalangan-ipt-501568	ASTROAWANI.COM	
	https://www.bernama.com/tv/news.php?id=2375851	BERNAMA.COM	
	https://thesun.my/malaysia-news/um-authorities-probing-sexual-harassment-claims-against-lecturer-mohe-OC13446392	THESUN.MY	
	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/12/21/higher-education-ministry-give-space-to-um-police-to-probe-sexual-harassment-accusation-against-lecturer/160638	MALAYMAIL.COM	



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN ANALITIK HARIAN
AHAD, 22 DISEMBER 2024






LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM


www.kpwkm.gov.my • kpwkm

LIPUTAN KESELURUHAN MEDIA TRADISIONAL

PECAHAN RANGKUMAN BERDASARKAN KATEGORI



PECAHAN RANGKUMAN BERDASARKAN KATEGORI




LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM


www.kpwkm.gov.my • kpwkm




LIPUTAN KESELURUHAN MEDIA TRADISIONAL




LIPUTAN BERDASARKAN JENIS MEDIA



LIPUTAN BERDASARKAN BAHASA MEDIA



LIPUTAN PECAHAN SENTIMEN



PEMPENGARUH MEDIA UTAMA

TAJUK BERITA	JUMLAH LIPUTAN
Remaja perempuan dirogol di stor PPS	7
UM says no compromise for sexual harassment offenders	22
Imigresen Limbang, JKM hantar bantuan makanan ke lokasi terkesan akibat banjir	1


TAJUK BERITA UTAMA

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM


www.kpwkm.gov.my • kpwkm




LIPUTAN KESELURUHAN MEDIA SOSIAL



LIPUTAN BERDASARKAN PLATFORM MEDIA SOSIAL



LIPUTAN PECAHAN SENTIMEN



PEMPENGARUH UTAMA/KOL

TAJUK BERITA	JUMLAH LIPUTAN
Kes rogol dilaporkan berlaku di PPS Kelantan semasa banjir	2
Peneroka warga emas rugi lebih RM100,000 terperdaya pelaburan saham Islamik	4
Bekas jururawat didakwa tipu wanita tawar bayi sebagai anak angkat	2

TAJUK TOPIK UTAMA



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm

LIPUTAN KESELURUHAN MEDIA SOSIAL


FRASA PALING POPULAR

trend yang sedang meningkat dalam mesej berkaitan topik



HASHTAG PALING POPULAR

mesej dalam perbincangan dengan menggunakan hashtag yang relevan.





LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm




LIPUTAN KESELURUHAN MEDIA

METRIK UTAMA

Mentions	Impressions	Interactions	Avg. influence score	Opinion leaders
625 ↓	26.29M ↓	25.58k ↓	5.3/10 ↑	116 ↓
-6.44% less than in previous period	-40.53% less than in previous period	-74.12% less than in previous period	3.35% more than in previous period	-35.91% less than in previous period


LIPUTAN PECAHAN SENTIMEN



Net sentiment
This is -1 points compared to the previous period.

Analyzed 624 mentions


- 183 with positive sentiment
- 206 with neutral sentiment
- 235 with negative sentiment



Mostly negative
The majority of conversations about this topic have negative sentiment.

SUSURMASA LIPUTAN - ISU ISU SEMASA

- Remaja perempuan dirogol di stor PPS
- UM says no compromise for sexual harassment offenders
- Imigresen Limbang, JKM hantar bantuan makanan ke lokasi terkesan akibat banjir



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



ANALISIS LIPUTAN MEDIA - AGENSI

TOPIK UTAMA

PENEROKA WARGA EMAS RUGI LEBIH RM100,000 TERPERDAYA PELABURAN SAHAM ISLAMIK LIPUTAN BERITA

- Seorang peneroka warga emas rugi lebih RM100,000 selepas terperdaya dengan pelaburan saham yang tidak wujud.
- Ketua Polis Daerah Kota Tinggi, Superintendan Yusof Othman berkata, pihaknya menerima laporan dibuat lelaki warga tempatan berusia 73 tahun itu semalam yang mendakwa menjadi mangsa penipuan pelaburan saham tidak wujud.
- Katanya, selepas membuat pendaftaran dan menjadi ahli kumpulan pelaburan Crasping Silver, mangsa telah membuat pembayaran secara berperingkat selama setahun bermula Oktober 2023 hingga Oktober lalu.
- [Link, 2, 3]

Petikan Media Sosial

- Youtube - [Link]


CADANGAN

Sistem Amaran Awal dan Sokongan dengan mewujudkan talian bantuan khusus untuk warga emas melaporkan sebarang aktiviti mencurigakan berkaitan pelaburan atau penipuan kewangan. Dengan melaksanakan langkah-langkah ini, KPWKM dan JKM dapat membantu melindungi golongan warga emas daripada menjadi mangsa penipuan kewangan dan memastikan kesejahteraan mereka terjaga.

TINDAKAN

- KPWKM
- JKM

Oleh Zulhisham Isahak - 21 December 2024



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



INFORMASI DARI NEGARA LUAR



Topik: Guatemala selamatkan 160 kanak-kanak bawah umur daripada penderaan seksual

[\[LINK\]](#)

GUATEMALA: Seramai 160 kanak-kanak bawah umur diselamatkan oleh pihak berkuasa Guatemala dari ladang yang dihuni kumpulan Yahudi ultra-Ortodoks, atas dakwaan penderaan seksual kanak-kanak.

"Berdasarkan kenyataan pengadu, bukti yang diperolehi dan pemeriksaan kesihatan, dapat disahkan terdapat bentuk pemerdagangan manusia membabitkan kanak-kanak bawah umur ini, seperti perkahwinan paksa, penderaan dan jenayah berkaitan,"- Nancy Paiz.

Sementara itu, Menteri Dalam Negeri, Francisco Jimenez, berkata kanak-kanak bawah umur yang diselamatkan mendakwa mereka didera oleh ahli mazhab Lev Tahor.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Pejabat Imigresen Bahagian (PIB) Limbang dengan kerjasama Pejabat Kebajikan Masyarakat Bahagian (JKM) Limbang telah menganjurkan Misi Kemanusiaan Penghantaran Bantuan Makanan ke lokasi-lokasi yang terkesan akibat banjir di Bahagian Limbang. Foto Jabatan Imigresen

Imigresen Limbang, JKM hantar bantuan makanan ke lokasi terkesan akibat banjir

By TVS #bm, Berita Sarawak December 21, 2024 11:24 AM

LIMBANG, 21Dis: Pejabat Imigresen Bahagian (PIB) Limbang dengan kerjasama Pejabat Kebajikan Masyarakat Bahagian (JKM) Limbang telah menganjurkan Misi Kemanusiaan Penghantaran Bantuan Makanan ke lokasi-lokasi yang terkesan akibat banjir baru-baru ini di Bahagian Limbang.

Jabatan Imigresen Malaysia Sarawak dalam kenyataan berkata, program yang bermula pada awal pagi tersebut melibatkan pengagihan bantuan berupa makanan kering dan beras ke tiga buah kampung iaitu Kampung Rangu, Kampung Pengkalan Jawa dan Kampung Kuala Awang.

"Program di bawah seliaan JKM Limbang tersebut disempurnakan dengan sokongan dan penyertaan daripada sembilan pegawai pelbagai pangkat dan gred daripada PIB Limbang dan JKM Limbang.

"Penganjuran program sedemikian di Limbang diharapkan dapat membantu meringankan beban penduduk-penduduk yang terkesan akibat bencana banjir yang melanda baru-baru ini," kata kenyataan itu.-TVS

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Gaya keibubapaan autoritatif penting, bentuk keperibadian anak

Nasional - Dicipta: 21 Disember 2024 12:08 PM - Kemas kini: 21 Disember 2024 12:24 PM



Timbalan Dekan Ijazah Dasar Fakulti Pendidikan Universiti Malaya (UM) Profesor Madya Dr Azmawaty

Mohamad Nor

KUALA LUMPUR, 21 Disember – Kualiti keibubapaan amat penting dalam membentuk keperibadian anak-anak mereka.

Timbalan Dekan Ijazah Dasar Fakulti Pendidikan Universiti Malaya (UM) Profesor Madya Dr Azmawaty Mohamad Nor berkata, gaya keibubapaan autoritatif yang menggalakkan komunikasi dua hala merupakan pilihan terbaik, memberi ruang masa dan peluang kepada anak-anak.

"Sebenarnya kalau kita mahu membentuk peribadi anak, kaedah terbaik berbalik kepada diri. Siapa yang kita hendak lihat anak kita. Kalau kita hendak anak kita berjaya, kita sendiri perlu ada, perlu mendengar, perlu mendidik. Kita nak jadi pendengar ni susah, anak tu belum habis cakap kita dah mencelah.

"Jadi, sebenarnya kualiti keibubapaan itu penting. Dalam hendak mendidik kita kena lihat diri sendiri dan jangan kita seringkali membentak anak-anak, kita mesti mendengar. Berikan mereka ruang masa untuk berfikir kerana kesedaran diri itu amat penting untuk mereka regulasikan emosi mereka," kata Dr Azmawaty.

Beliau yang juga Kaunselor Berdaftar Lembaga Kaunselor Malaysia, ditemui pemberita selepas Program Selamat Pagi Malaysia di Angkasapuri, Kota Media.

Katanya, kualiti keibubapaan itu juga mampu memastikan ibu bapa tidak terlalu permisif yang mengakibatkan anak-anak mengambil kesempatan dan menjadi tidak berdisiplin.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Sarawak sedia pertahan gelaran juara pada temasya Para SUKMA XXII Selangor 2026

© Disember 21, 2024, Sabtu - 8:58pm



Mohammad Razi merakam kenangan bersama yang lain pada Majlis Apresiasi Kontinjen Para SUKMA XXI Sarawak di Kuching. Gambar UKAS

KUCHING: Sarawak bersiap sedia untuk mempertahankan gelaran juara keseluruhan pada temasya Para SUKMA XXII Selangor 2026 dengan memulakan pencarian bakat baharu seawal Februari tahun depan.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti merangkap Chef De Mission (CDM) Para SUKMA Sarawak Datuk Mohammad Razi Sitam berkata, usaha ini penting untuk memastikan kontinjen negeri terus kompetitif dan mampu mengekalkan kejayaan buat kali ke-15.

“Kita akan mempersiapkan atlet lebih awal dengan memberi pendedahan dan latihan intensif.

“Pencarian bakat baharu adalah langkah penting bagi melahirkan pelapis berkualiti yang dapat mengharungi cabaran temasya akan datang,” ujarnya yang dipetik dalam Unit Komunikasi Awam Sarawak (UKAS).

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Apresiasi Kontinjen Para SUKMA XXI Sarawak di sini, semalam.

Mohammad Razi berkata, pada temasya yang berlangsung September lalu, Sarawak mencatat kejayaan besar dengan meraih 82 pingat emas, 53 perak dan 74 gangsa, menjadikan jumlah keseluruhan 209 pingat.

Kejayaan itu mengekalkan status Sarawak sebagai juara keseluruhan untuk kali ke-14.

Mohammad Razi turut menegaskan bahawa kejayaan ini adalah hasil kerjasama erat dalam kalangan atlet, jurulatih, pegawai dan agensi-agensi berkaitan.

Temasya Para SUKMA XXI Sarawak 2024 katanya juga diiktiraf sebagai temasya terbaik setakat ini, dengan perancangan rapi oleh kerajaan negeri.

Ujarnya lagi, penganjuran itu bukan sahaja menonjolkan pencapaian sukan tetapi juga semangat perpaduan di kalangan atlet dari seluruh negara.

Majlis tersebut turut memberi penghormatan kepada kakitangan Jabatan Kebajikan Masyarakat yang akan bersara, sebagai tanda penghargaan atas sumbangan mereka dalam pembangunan komuniti sukan di Sarawak.

Dengan perancangan awal dan strategi yang teliti, Sarawak yakin untuk mengekalkan dominasi dalam Para SUKMA Selangor 2026, sekali gus meneruskan legasi kecemerlangan dalam arena sukan para negara.

Hadir sama, Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Sarawak Semawi Mohamad, Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Lamat Nyalau dan Presiden Persatuan Sukan dan Rekreasi Orang Kurang Upaya Negeri Sarawak Matthew Chin Hong Choi.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Tangani eksploitasi, penderaan kanak-kanak secara dalam talian



SETIAP kanak-kanak berhak mendapat persekitaran yang selamat untuk belajar, berkembang dan bermimpi, hidup bebas daripada eksploitasi mahupun penderaan.

Oleh Meja Rencana 21 Disember 2024, 9:00 am

KEBANGKITAN alat elektronik, yang dahulu dianggap sebagai asas kemudahan moden, kini menimbulkan paradoks yang membimbangkan. Walaupun telefon pintar, tablet dan komputer telah mengubah cara kanak-kanak belajar dan berhubung, penggunaan yang tidak terkawal telah membuka pintu kepada risiko yang belum pernah berlaku sebelum ini.

Pandemik Covid-19 hanya meningkatkan kebergantungan digital ini, kerana pendidikan dan interaksi sosial beralih hampir sepenuhnya secara dalam talian. Di sebalik manfaatnya, realiti baharu ini telah mendedahkan kanak-kanak kepada bahaya yang mengancam kesejahteraan fizikal, emosi dan psikologi mereka.

Akses internet tanpa pengawasan boleh dengan cepatnya menukar status kanak-kanak dari pencecah pengetahuan ke mangsa pemburuan [eksploitasi](#).

Data Bahagian Siasatan Seksual, Wanita dan Kanak-Kanak (DII) Malaysia, menunjukkan trend yang membimbangkan dengan peningkatan kes antara 2017 hingga 2019. Ia meninggalkan kesan mendalam terhadap kesihatan mental, kemahiran sosial dan masa depan mereka.

Ibu bapa dan penjaga mesti mengambil peranan aktif dalam memahami kedua-dua faedah dan risiko penggunaan internet. Komunikasi terbuka adalah kunci untuk memupuk kepercayaan dan mewujudkan ruang bagi kanak-kanak merasa selamat membincangkan topik sensitif seperti eksploitasi dalam talian.

Melalui perbualan terbuka, ibu bapa boleh mendidik anak-anak tentang keselamatan dalam talian, risiko berkongsi maklumat peribadi dan kepentingan berwaspada dengan sesiapa yang mereka berinteraksi dengan dalam talian.

Menetapkan sempadan yang jelas, menggalakkan perkongsian ruang digital dan menggunakan perisian kawalan untuk menapis kandungan yang tidak sesuai adalah antara langkah-langkah yang penting sebagai permulaan.

Ibu bapa juga mesti sentiasa peka tentang taktik yang digunakan oleh pemangsa dan trend dalam talian yang muncul untuk menangani potensi ancaman secara awal. Usaha ini boleh merapatkan jurang antara peluang dan kelemahan serta memperkasakan kanak-kanak untuk mengemudi dunia digital secara bertanggungjawab.

Sementara institusi pendidikan memainkan peranan penting dalam membina kesedaran dan daya tahan dalam kalangan pelajar. Program literasi digital mengenai keselamatan dalam talian, pencegahan buli siber dan penggunaan internet yang bertanggungjawab harus menjadi asas pendidikan moden.

Guru memerlukan latihan untuk mengenali tanda-tanda tekanan yang mungkin menunjukkan penderaan atau eksploitasi. Dengan bekerjasama dengan ibu bapa dan menggunakan mekanisme pelaporan yang jelas, pendidik boleh mencipta jaringan keselamatan yang melangkaui batas bilik darjah.

Kanak-kanak dan remaja sendiri adalah pihak berkepentingan dalam mewujudkan persekitaran dalam talian yang selamat.

Menggalakkan interaksi yang penuh hormat dan memperkasakan pelajar untuk mengenali aktiviti yang mencurigakan boleh menjadikan mereka peserta aktif dalam menjaga keselamatan sendiri dan rakan.

Inisiatif yang diterajui rakan sebaya dan rangkaian sokongan boleh memupuk kewaspadaan dan daya tahan, memastikan kanak-kanak saling menjaga antara satu sama lain dan mempunyai keyakinan untuk mendapatkan bantuan apabila diperlukan.

Memandangkan landskap digital terus berkembang, begitu juga dengan strategi untuk melindungi mereka yang paling terdedah dalam kalangan kita. Dengan mengutamakan pendidikan, kesedaran dan tindakan kolektif, kita boleh mencipta dunia digital yang lebih selamat untuk kanak-kanak sekali gus memastikan keindahan zaman kanak-kanak tetap terpelihara.-UTUSAN

JOSEPH LAI

Ketua Program Pembangunan Komuniti Sabah
World Vision Malaysia

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Jaga tepi kain demi keselamatan kanak-kanak



KES-KES gangguan seksual, pencabulan, amang seksual serta rogol kanak-kanak dan remaja berumur bawah 18 tahun semakin kerap dilaporkan di media.

Oleh Uthaya Sankar 21 Disember 2024, 8:00 am

BARU-BARU ini, pendakwah selebriti, Azman Syah Alias dihukum penjara 14 bulan oleh Mahkamah Majistret Klang selepas mengaku bersalah melakukan kelucuhan melampau terhadap seorang remaja lelaki berumur 18 tahun.

Sebelum ini, dia diperintahkan menjalani hukuman penjara 24 tahun dan dua sebatan selepas didapati bersalah atas dua pertuduhan melakukan amang seksual fizikal terhadap remaja lelaki berumur 17 tahun.

Kes gangguan seksual, pencabulan, amang seksual dan rogol kanak-kanak dan remaja berumur bawah 18 tahun memang kerap dilaporkan di media. Pasti sahaja semua ini amat membimbangkan dan menimbulkan kekusaran dalam kalangan masyarakat.

Akta Kanak-kanak 2001 (Akta 611) digubal bagi meningkatkan usaha memelihara, melindungi dan memulihkan kanak-kanak. Seksyen 17, Seksyen 38 dan Seksyen 41 akta ini memperincikan kategori kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan.

Bagaimanapun, Akta 611 turut memberi tumpuan kepada kanak-kanak yang ditahan kerana melakukan kesalahan dan perlu dibicarakan di mahkamah.

Dalam situasi ini, Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 (Akta 792) lebih menumpukan aspek perlindungan dan keadilan bagi kanak-kanak di bawah umur 18 tahun yang menjadi mangsa jenayah seksual.

Kita sebagai masyarakat prihatin amat wajar mengambil tahu tentang peruntukan Akta 792 supaya tahu apa yang patut dilakukan jika menyaksikan insiden kanak-kanak menjadi mangsa kesalahan seksual.

Misalnya, sebagaimana diterangkan dalam Seksyen 4, pornografi kanak-kanak merangkumi bahan berbentuk visual, audio atau bertulis yang menggambarkan kanak-kanak terlibat dalam perlakuan seksual.

Seksyen 5 hingga Seksyen 10 memberikan penjelasan lanjut berkaitan menghasilkan, mengedarkan dan mengakses bahan pornografi kanak-kanak. Ibu bapa, guru dan orang dewasa yang prihatin amat wajar membaca dan memahami semua peruntukan itu.

Ilmu ini membolehkan kita membimbing kanak-kanak dan remaja yang mungkin tidak menyadari hakikat mereka menjadi mangsa kesalahan seksual. Dengan ini, barulah kita mampu membina persekitaran yang selamat dengan kanak-kanak tahu diri mereka dilindungi.

Kesalahan seksual bukan hanya berlaku secara fizikal. Malah, perbuatan berkomunikasi secara seksual dengan kanak-kanak juga satu jenayah. Komunikasi ini misalnya menerusi panggilan telefon, kiriman mesej bertulis atau kiriman visual (ilustrasi atau foto) berunsur seksual.

Perkara yang dinyatakan dalam Seksyen 11 diperincikan dalam Seksyen 12 dan Seksyen 13 dengan menjelaskan perbuatan pengantunan kanak-kanak, yang mana golongan pedofilia memanipulasi dan mengeksploitasi kanak-kanak untuk menjadikan mereka mangsa perlakuan seksual.

Kalau dulu kita hanya mendengar frasa 'gangguan seksual', kini ada pula amang seksual yang biasanya melibatkan mangsa kanak-kanak dan remaja bawah umur 18 tahun.

Tahniah dan terima kasih kepada guru taska, tadika dan sekolah rendah yang mengambil inisiatif mendidik kanak-kanak tentang 'sentuhan positif' dan 'sentuhan negatif'. Bimbingan ini amat perlu bagi memastikan kanak-kanak tidak menjadi mangsa eksploitasi seksual.

Dalam hal ini, amang seksual fizikal bukan hanya apabila pedofilia menyentuh mana-mana bahagian badan seorang kanak-kanak secara seksual. Sebaliknya juga apabila kanak-kanak itu diminta menyentuh bahagian tubuh sendiri atau orang lain secara seksual.

Amang seksual bukan fizikal pula berlaku apabila seseorang menggunakan perkataan atau bunyi, isyarat atau objek, serta mana-mana bahagian badannya secara seksual untuk dilihat atau didengar oleh seorang kanak-kanak. Begitu juga jika meminta seorang kanak-kanak melakukan perkara sedemikian.

Takrif amang seksual bukan fizikal termasuk perbuatan jiji melakukan aktiviti bersifat seksual di hadapan kanak-kanak atau membenarkan kanak-kanak itu menyaksikan aktiviti seksual orang lain. Termasuk dalam kategori ini ialah bahan audio, visual atau bertulis.

Sekiranya kita membaca berita mengenai individu yang ditahan dan dibicarakan dalam kes amang seksual, liwat, mencabul dan kelucuhan melampau melibatkan mangsa kanak-kanak, kebanyakan pelaku ialah orang dikenali mangsa.

Seksyen 16 dalam Akta 792 menegaskan, jika pesalah dalam kes jenayah seksual terhadap kanak-kanak melibatkan orang yang ada hubungan amanah dengan kanak-kanak terbabit, maka hukuman tambahan hendaklah diberi kepadanya.

Pihak yang dimaksudkan termasuklah ibu, bapa, ibu tiri, bapa tiri, saudara mara yang ada pertalian darah, keluarga angkat dan pengasuh. Termasuk juga dalam kategori ini ialah jurulatih, guru, penyarah dan warden tadika atau sekolah.

Maksudnya, individu yang memang dikenali dan dipercayai oleh kanak-kanak berkenaan. Maka, tentulah amat mengecewakan malah menimbulkan kemarahan apabila kita membaca berita tentang kanak-kanak menjadi mangsa eksploitasi seksual oleh orang yang sepatutnya menjaga dan melindungi kanak-kanak itu.

AMBIL TAHU

Dalam kehidupan sekarang, kita sering memilih untuk tidak menjaga tepi kain orang. Perkara seperti ini banyak diperhatikan dalam siasatan kes penderaan, keganasan rumah tangga dan sumbang mahram.

Jiran dan tetangga sama ada langsung tidak tahu atau memilih untuk tidak masuk campur walaupun menyedari ada sesuatu yang tidak kena sedang berlaku di rumah sebelah.

Dalam hal ini, Seksyen 19, Akta 792 mengingatkan bahawa sesiapa yang ada maklumat tetapi tidak melaporkan kepada polis apa-apa kes jenayah ke atas kanak-kanak, maka mereka melakukan satu kesalahan. Jika sabit kesalahan, mereka boleh didenda tidak melebihi RM5,000.

Hukuman juga menanti sesiapa yang bersubahat dalam melakukan kesalahan jenayah melibatkan kanak-kanak. Maknanya, orang itu tidak terlibat secara langsung tetapi telah membantu tertuduh sehingga berlakunya jenayah itu.

Walaupun sudah ada Akta 611 dan Akta 792 yang digubal bagi melindungi kanak-kanak dan remaja bawah umur 18 tahun, masih banyak kes jenayah seksual ke atas kanak-kanak terus berlaku. Laporan media menjadi bukti kepada hal ini.

Maka, orang ramai harus kembali menjaga tepi kain orang demi melindungi kanak-kanak daripada menjadi mangsa amang seksual dan pengantunan kanak-kanak. – UTUSAN

PENULIS ialah pengasas Pertubuhan Sasterawan Kaum India (Kavyan).

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : PM: NO BIAS IN DISASTER AID RELIEF

HARI : AHAD

AKHBAR : NEW SUNDAY TIMES

TARIKH : 22 DIS 2024

M/SURAT : 07

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

AID FOR PEOPLE, PROJECT COSTS

PM: NO BIAS IN DISASTER AID RELIEF

Funds increased for Kelantan, Kedah, Terengganu and Perlis, says Anwar

LYLIA MARSYA ISKANDAR
SUBANG JAYA
news@nst.com.my

THE federal government is fair in channelling allocations to states affected by disasters, including the four opposition-led states, Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim said.

The government, he said, had also increased allocations to Kelantan, Kedah, Terengganu, and Perlis to ensure that issues were addressed effectively.

